



Oleh Alzahrin Alias
zahrin@mediaprima.com.my

Ducati Malaysia mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai jenama motosikal premium utama di Malaysia dengan pengenalan barisan Ducati Panigale V4 dan V4S.

Dua varian terbaru itu sudah boleh dimiliki pada harga bermula RM145,900 (V4) dan RM188,900 (V4S).

Model baharu Panigale V4 dan V4S ini telah mendapat beberapa penambahbaikan seperti kuasa dipertingkatkan kepada 215.5 kuasa kuda (hp) pada 13,000rpm.

Panigale V4 dan V4S 2022 mempunyai strategi mod kuasa yang dikemas kini yang memabitkan empat enjin konfigurasi penuh, tinggi, sederhana dan rendah.

Mod penuh dan rendah baru dibangunkan oleh pengeluar motor terkemuka dunia itu manakala mod tinggi dan sederhana dikekalkan daripada model sebelumnya.

Mod kuasa penuh baharu adalah yang paling ekstrem pernah digunakan pada Panigale V4 dan V4S.

Ini memberikan tuggangan yang penuh dengan kuasa dan menjadikan model baharu itu berada di kedudukan yang berbeza berbanding jenama lain.

Tanpa batasan

Mod kuasa ini disyorkan untuk digunakan di litar lumba dengan selekoh laju, jalan lurus panjang dan terutamanya tahap cengkaman yang tinggi.


Bagi bahagian papan pemuka pada Panigale V4 dan V4S 2022 pula, ia juga telah melalui pelbagai pengubahsuaian.

Ducati menggunakan LED luaran untuk menunjukkan pertukaran gear sekali gus mengurangkan masa tindak balas dan meningkatkan kualiti maklum balas diberikan kepada penunggang.

Paling menarik, semua model



▲ Ducati Panigale V4, V4S tingkatkan pilihan jenama jentera motosikal premium.



▶ Model terkini Ducati di Malaysia hadir dengan penambahbaikan.

Ducati dan Scrambler Ducati akan disediakan untuk pemilikan melalui model eksklusif pilihan pembiayaan, Ducati Corse Credit.

Pelan pembiayaan itu menggabungkan ciri yang menjadikan Ducati pemilikan lebih lancar.

"Dibuat khusus untuk motosikal Ducati dan Scrambler ia memberikan skim pembayaran balik yang fleksibel, kelulusan yang lebih cepat, kadar faedah serendah 4.88 peratus dan 10 peratus pilihan bayaran muka," kata Ducati Malaysia.

Boleh pilih Ducati Panigale V4 atau V4S

Jenama motosikal premium terus kukuh cengkaman di pasaran Malaysia